

Isu Interlok dijangka selesai tempoh sebulan

PUTRAJAYA: Panel bebas yang ditubuhkan bagi mengkaji pindaan novel *Interlok* karya Sasterawan Negara, Datuk Abdullah Hussain yang mencetuskan kontroversi baru-baru ini, menjangkakan isu membabitkan novel itu mampu diselesaikan dalam tempoh sebulan.

Pengerusi panel yang juga Pengarah Institut Kajian Etnik, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Datuk Dr Shamsul Amri Baharuddin, berkata dalam mesyuarat yang berlangsung dalam suasana harmoni semalam, semua ahli panel termasuk keluarga penulis yang diwakili, isterinya, Datin Siti Saroja Basri juga bersetuju bahawa sebarang perubahan kepada kandungan novel tidak akan menjejaskan integriti Abdullah sebagai penulis.

"Mesyuarat ini tetap meletakkan penulis (Abdullah) sebagai seorang yang penting, mesti dihormati dan integritinya mesti dipertahankan kerana beliau hanya melakukan yang terbaik sebagai penulis.

"Lagipun, kami bersetuju pelbagai pihak turut terbabit dalam menghasilkan sebuah buku termasuk penerbit, jadi kita (panel) bersetuju ia hanya membabitkan soal kandungan dan akan berusaha menjernihkan keadaan," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat yang berlangsung kira-kira tiga jam di Kementerian Pelajaran di sini.

Panel itu turut dianggotai Ketua Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP),

Datuk Termuzi Abdul Aziz; Pensyarah Akademi Pengajian Melayu Universiti Malaya (UM) yang juga wakil Gabungan Penulis Nasional (GAPENA), Prof Datuk Zainal Abidin Borhan dan Pensyarah Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Dr Lim Swee Tin.

MIC pula diwakili Pengarah Pusat Pendidikan Global Aminuddin Baki, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Prof Dr NS Rajendran; bekas kakitangan Kementerian Pelajaran Malaysia, G Krishnabahawan dan penulis, Uthaya Sankar.

Mengulas lanjut, Shamsul Amri berkata, walaupun tidak diberikan tempoh bagi mengemukakan sebarang perakuan dan cadangan kepada kementerian mengenai perubahan kandungan novel itu, panel bersetuju ia perlu diselesaikan segera bagi mengelakkan kemelut berlanjutan.

"Semua ahli panel sedang meneliti isu ini dengan lebih mendalam dan mengkaji beberapa dokumen serta laporan diserahkan berhubung isu ini sebelum mengadakan pertemuan semula dalam tempoh dua atau tiga minggu lagi," katanya.

Pada 27 Januari lalu, Timbalan Perdana Menteri selaku Menteri Pelajaran, Tan Sri Muhyiddin Yassin, mengumumkan persetujuan antara Kementerian Pelajaran dan MIC supaya novel *Interlok* terus digunakan sebagai teks Komponen Sastera dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu (KOMSAS) Tingkatan Lima.